

01 FEB 2001

Mahathir-Rancangan

KERAJAAN KAJI KEMUNGKINAN LANJUTKAN TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan melanjutkan tempoh Rancangan Malaysia daripada lima tahun pada masa ini kepada 10 tahun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kami sedang memikirkan tentangnya kerana setiap Rancangan (Malaysia) (akan) bergabung dengan rancangan lain," kata beliau.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri acara mengisytiharkan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan di Dataran Perdana di sini, Dr Mahathir berkata perkara yang sama berlaku kepada belanjawan negara walaupun kajian untuk melanjutkan tempoh itu hanya melibatkan Rancangan Malaysia.

Rancangan Malaysia Ke-Tujuh berakhir tahun lepas.

Perdana Menteri berkata beliau akan memantau prestasi semua kementerian bagi memastikan peruntukan tahunan mereka dibelanjakan dalam tahun yang sama.

Dr Mahathir menjelaskan mengapa ada masanya peruntukan bagi tahun tertentu terpaksa dibawa ke hadapan.

Beliau berkata kadang kala, kementerian akan meminta peruntukan untuk projek-projek tetapi ia tidak akan dilaksanakan serta merta.

"Mereka perlu memperolehi tanah (dahulu), dan sudah pasti, pengambilalihan tanah itu akan mengambil masa enma bulan manakala pembinaan memakan masa tiga tahun.

"Oleh itu, mereka tidak membelanjakan wang dalam tahun yang sama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kementerian-kementerian perlu merancang projek mereka dengan teliti dan sempurna jika mahu melaksanakannya dengan berkesan.

Ketika ditanya apa projek besar lain selepas Putrajaya, beliau berkata kerajaan memberi tumpuan kepada sektor pertanian terutamanya cara-cara bagi menggalakkan pengeluaran makanan di negara ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga sedang mencari jalan untuk mengurangkan import makanan dan pada masa yang sama meningkatkan eksport.

"Oleh itu, kami memberi tumpuan kepada perkara yang bukan romatik yang dipanggil pertanian," kata beliau secara berseloroh.

-- BERNAMA

MHI ES NAK